

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 15 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## BNM mungkin naikkan SRR bagi kawal inflasi

### BNM mungkin naikkan SRR bagi kawal inflasi

Bank Negara Malaysia (BNM) berkemungkinan menaikkan semula nisbah keperluan rizab berkanun (SRR) instrumen yang digunakan oleh bank pusat bagi menguruskan mudah tunai dalam pasaran dengan menyokong aktiviti pengantaraan kewangan kepada paras seperti sebelum pandemik iaitu 3 peratus, berbanding 2 peratus ketika ini.

Penganalisis TA Securities, Farid Burhamuddin, berkata kemungkinan kenaikan SRR ke paras sebelum pandemik selepas nisbah berkenaan memberi kesan

kepada kadar inflasi negara dengan mempengaruhi penawaran wang dan ketersediaan kredit (untuk pinjaman).

"Bagaimanapun, ia (kenaikan SRR) akan mengurangkan jumlah dana yang tersedia untuk pinjaman, menjadikannya lebih sukar bagi firma dan pengguna mengakses kredit.

"Ini boleh mempertahankan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan permintaan," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Pada Mac 2020, BNM menurunkan

kan SRR kepada 2 peratus daripada 3 peratus berdasarkan perkembangan ekonomi ketika itu apabila kemerosotan kecairan yang mendadak menyebabkan turun naik dalam pasaran kewangan dan memberi kesan mendalam terhadap perniagaan serta pengguna.

Sejak 2019, SRR dikurangkan 150 mata asas. Semasa keawatanan ekonomi global 2009, ia dipotong 1 peratus.

Mengulas lanjut, Farid berkata, SRR boleh memberi kesan kepada inflasi di Malaysia kerana ia merujuk jumlah minimum dana

yang mesti dipegang oleh bank perdagangan sebagai rizab dengan bank pusat.

"Dengan melaraskan SRR, langkah BNM ini boleh mempengaruhi jumlah dana yang tersedia untuk pinjaman dan seterusnya, bekalan wang dalam ekonomi," katanya.

Sementara itu, Farid berkata, Malaysia sudah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengurangkan kesan COVID-19, termasuk menyediakan bantuan kewangan kepada perniagaan dan isi rumah.

Katanya, kerajaan juga telah melaksanakan pembaharuan untuk meningkatkan lagi daya saing ekonomi, khususnya dalam pelbagai bidang seperti pendigitalan dan inovasi.

"Bagaimanapun, ia tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian ketara, termasuk kesan wabak berterusan, perubahan dalam keadaan ekonomi global dan ketegangan geopolitik.

"Walaupun 2023 menjanjikan pertumbuhan ekonomi Malaysia, ia tidak dapat lari daripada beberapa kesan negatif," katanya.